

PM tak mahu pelajar UMS bakar karikatur dibuang

BERITA HARIAN

25 JUN 2025

m/s: 4

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak mahu mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang terbabit dalam protes membakar karikatur wajahnya dikenakan tindakan buang universiti.

Perkara itu dimaklumkan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Zambry Abd Kadir, menerusi perkongsian di Facebook semalam.

“Perdana Menteri berpesan

agar pelajar UMS yang terlibat dalam insiden baru-baru ini tidak dibuang universiti.

“Bagi YAB (Yang Amat Berhormat) PM (Perdana Menteri), mereka mungkin membuat kesilapan tetapi masa depan dan pengajian mereka jauh lebih penting dan perlu diutamakan,” katanya.

Isu sama turut diulas Setiausaha Akhbar Kanan kepada Perdana Menteri, Tun-

ku Nashrul Abaidah, dalam taklimat harian Pejabat Perdana Menteri (PMO) semalam.

“Selaras pendekatan MADANI yang mengutamakan nilai ihsan, Perdana Menteri mengarahkan KPT dan UMS agar pelajar yang terlibat tidak disekat perjalanan akademiknya, masa depan anak muda tidak harus terkorban dalam arus perbezaan pandangan.

“Sebagai bekas aktivis ma-

hasiswa dan seorang reformis, Perdana Menteri sentiasa mempertahankan kebebasan bersuara seperti yang termaktub dalam Perlembagaan.

“Insiden pembakaran karikatur baru-baru ini mengingatkan kita betapa besar harapan rakyat agar rasuah dibanteras sampai ke akar umbi,” katanya.

Tunku Nashrul berkata, Perdana Menteri menitipkan pesanan bahawa semangat peruba-

han bermula dengan keberanian anak muda menyuarakan kebenaran berlandaskan fakta dan niat yang tulus.

“Di pihak kerajaan, komitmen reformasi kekal teguh, sedang dan telah diterjemahkan ke dalam tindakan nyata. Komitmen reformasi ini tidak akan terhenti setakat ini, dan ia akan terus diperhalusi dan dilaksanakan dengan berstruktur,” katanya.